

**FOKUS**

# AYAM LAGA IMPORT JADI REBUTAN

Teks dan gambar  
Ahmad Rabul Zulkiffi  
rencana@hmetro.com.my

Biasanya ayam kampung dijual RM8 hingga RM10 sekilogram, tetapi siapa sangka ayam peliharaan seorang pemuda dari Kampung Sekati, Manir, Terengganu boleh dijual sehingga RM2,000 seekor bergantung kepada saiz dan kecantikan unggas berkenaan.

Ini berikutan ternakan Md Fairuz Al-Syaif, 30, itu bukan ayam kampung biasa, tetapi sudah menjalani proses pembangunan dan penyelidikan (R&D).

Ia dikenali sebagai ayam ratu Leung Hang Khau (LHK) dalam bahasa Thai yang bermaksud Kuning Ekor Putih. Ia juga dipanggil ayam baka baik

**Ternakan Md Fairuz laris kerana baka dari Thailand, Myanmar dan Vietnam**

atau lebih dikenali sebagai ayam laga.

Dia memelihara pelbagai baka ayam laga termasuk Ganu, Pama, Saigon dan Pakhoi.

Sebelum ini kegiatan memelihara ayam ratu dan ayam laga tidak diterima masyarakat serta dipandang serong kerana dikaitkan dengan kegiatan perjudian.

Bagaimanapun, kini masyarakat kian menerima unggas unik itu yang dianggap sebagai hawian peliharaan yang mempunyai nilai tinggi dan eksklusif setanding kucing, ikan perhiasan, anjing dan hawian eksotik lain.

Md Fairuz berkata, dia memperoleh pendapatan bersih RM5,000 hingga RM10,000 sebulan hasil memelihara dan menjual ayam ratu dan laga daripada pelbagai jenis baka itu.

"Ayam ratu mendapat sambutan kerana kecantikannya yang dianggap unik, malah kini kerap dipertandingan seperti mana pertandingan ayam serama. Ini menyebabkan permintaan terhadap spesies ayam ini meningkat.

"Kalau dulu ayam ini digunakan untuk bersabung dan perjudi, kini ia dipelihara kerana kecantikannya dan keunikannya yang tersendiri," katanya.



INDUK betina baka Pakhoi Vietnam berharga RM2,300.



Md Fairuz menunjukkan ayam ratu baka Leung Hang Khau yang ditawarkan dengan harga RM3,000.

RM2,100 hingga RM3,000 seekor bergantung pada baka selain corak bulu.

"Ayam ratu pula dijual

terutama berekor panjang, warna menarik dan kesihatan yang baik mampu dijual dengan harga tinggi berikutan peminatnya mahu menggunakannya untuk menyertai pertandingan atau sekadar hobi," katanya.

Md Fairuz berkata, ayam ternakannya adalah baka yang diimport dari Thailand, Vietnam dan Myanmar. Justeru, ia harganya agak tinggi berbanding ayam baka tempatan iaitu Ganu yang berasal dari negeri ini.

"Seekor ayam jantan berusia empat hingga lima bulan boleh dijual dengan harga RM1,200 hingga RM2,000 manakala ayam jantan yang sudah mencapai usia matang iaitu berusia setahun boleh mencecah



MENGHABISKAN RM1,000 sebulan untuk membeli pelbagai jenis ubat dan makanan tambahan untuk ayam yang dternak.

dengan harga sama untuk anak berusia empat bulan manakala ayam ratu yang matang dijual dengan harga RM2,500 hingga RM5,000 seekor, malah di Thailand ayam yang memenangi pertandingan ayam cantik boleh mencecah RM30,000

hingga RM50,000 seekor. "Kecantikan serta warna bulu ayam yang menjadi penentu kepada harga ayam adalah subjektif, bergantung kepada pembeli. Tawaran yang tertinggi akan mempunyai hak untuk memilikinya," katanya.

Dia yang mula serius memternak ayam ratu dan laga pada awal 2012 melaburkan lebih RM20,000 untuk membina reban yang sesuai berinspirasikan reban ayam di Thailand.

Katanya, dia turut menghabiskan lebih RM25,000 untuk membeli induk jantan dan betina bagi tujuan pembiakan untuk memperoleh ayam bermutu tinggi yang mempunyai bulu dan bentuk balug unik.

"Kira-kira 80 peratus ayam yang saya biak dibeli dari Thailand, Vietnam dan Myanmar. Ayam yang paling mahal pernah saya beli ialah ayam Pama Saigon berharga RM3,000 sekor. Ayam itu kemudian di biak dengan induk Pakhoi Vietnam yang dibeli dengan harga



KAWASAN penternakan ayam ratu dan ayam laga milik Fairuz.



AYAM laga dan ratu ditenak di reban khas.

RM2,300.

"Biar pun banyak memternak ayam dari luar, saya turut memelihara baka tradisional Terengganu iaitu Ganu kerana struktur tubuh dan kualiti bulunya menarik dan cantik berkilat," katanya.

Menurutnya, selain menjual ayam berusia empat bulan hingga setahun, dia juga menjual telur ayam ratu dan laga. Telur ayam itu mendapat sambutan hangat terutama dari Sabah dan Sarawak. "Saya menjual telur ayam itu dengan harga RM60

hingga RM200 sebiji, bergantung kepada baka. Makin berkualiti bakanya, makin tinggi harganya.

"Telur itu akan dihantar melalui perkhidmatan kurier dan paling kurang 10 biji telur ayam laga dan ratu dihantar ke Sabah dan Sarawak, setiap bulan," katanya.

Md Fairuz yang menjadikan penternakan ayam itu sebagai pekerjaan utamanya berkata, dia membelanjakan RM1,000 setiap bulan untuk menjamin kesihatan ter-

nakannya dengan membeli ubat-ubatan dan makanan tambahan.

"Petua dan petanda ayam yang ditenak segar dan bebas penyakit ialah apabila mukanya merah seperti biji saga selain mempunyai gelagat yang menarik apabila diajuk," katanya.

Anak bongsu daripada 11 beradik itu berkata, pada peringkat awal pembabitannya dalam ternakan itu, dia kerap dipandang serong.

"Ramai beranggapan penternakan ayam laga ti-

dak mampu bertahan di negeri ini, tetapi selepas lebih empat tahun bergiat aktif saya mampu membuktikan perniagaan ayam laga menguntungkan.

"Saya turut mempromosikan perniagaan ini melalui Internet selain membuka kedai haiwan peliharaan di Manil pada Mac tahun lalu.

"Saya berhasrat membeli tanah dan membuka ladang pelbagai jenis baka ayam berkualiti tinggi termasuk ayam serama pada tahun depan," katanya.



NAK ayam laga yang ditenak turut dijual.



SEBIJI telur ayam ratu dijual RM60 hingga RM200.